

Mun Yee buat persiapan rapi

Mohd Khairie Khalid
khairie@bh.com.my

Kuala Lumpur: Meskipun senarai acara muktamad yang akan disertai atlet di Sukan Komanwel, Australia pada April dan Sukan Asia, Indonesia (Ogos hingga September) belum dikeluarkan, namun Leong Mun Yee (**gambar**) tetap bersedia.

Penerjun senior yang kini berusia 32 tahun itu berkata, dia sentiasa melakukan persiapan dari peringkat awal agar dapat memastikan prestasinya berada dalam keadaan terbaik.

“Selepas ini, saya tidak pasti mana kejohanan yang akan saya sertai kerana semua itu bergantung kepada keputusan Kesatuan Renang Amatur Malaysia (ASUM). Tapi tahun depan seperti semua orang tahu kita mempunyai Sukan Komanwel dan Asia.

“Saya akan buat persiapan awal dalam semua acara walaupun belum tahu lagi apa yang saya akan sertai.

“Tapi macam mana pun sasaran saya adalah untuk mendapatkan pingat di kedua-dua temasya,” kata Mun Yee yang sudah melakukan permohonan untuk menyambung pendidikan ke peringkat Ijazah Sarjana (Master) Pendidikan Sains Sukan, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Ketika diminta merumuskan pencapaian keseluruhan tahun ini, Mun Yee yang memiliki koleksi 17 pingat emas sepanjang karier di temasya dwitahunan Sukan SEA berkata, dia amat berpuas hati.

Jelasnya, sepanjang 2017 dia sering kali ditukarkan pasangan serta menyertai acara lain namun tetap mampu beraksi dengan baik.

Dalam perkembangan lain, penerjun itu mengingatkan diri sendiri agar sentiasa berhati-hati dalam pengambilan makanan tambahan.

Ini bagi mengelakkan penggiat sukan terperangkap dengan penggunaan barangan terlarang yang bakal menjejaskan karier.



Baru-baru ini, Presiden Persekutuan Sukan SEA (SEAGF), Tunku Imran Tuanku Ja'afar mengesahkan pingat tiga atlet yang gagal doping di temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017) termasuk penerjun negara, Wendy Ng Yan Yee, dilucutkan.

Selain Wendy, dua lagi atlet terbabat dengan hukuman itu adalah perenang Thailand, Benjaporn Sriphanomthorn dan Nurisan Loseng (pencak silat). Wendy beraksi cemerlang dengan memenangi emas dalam dua acara iaitu tiga meter papan anjal wanita dan 3m papan anjal seirama wanita.